

**FINAL EXAMINATION**  
**JULY 2021**

-----

**MATRIC** \_\_\_\_\_  
**SECTION** \_\_\_\_\_  
**SEATING NO** \_\_\_\_\_  
**COURSE TITLE** **HUBUNGAN ETNIK**  
  
**COURSE CODE** **MPU3113**  
**DATE/DAY** **24 OCTOBER 2021 / SUNDAY**  
**TIME/DURATION** **09:00 AM - 11:00 AM / 2 Hours**

-----

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :**

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of **16** Printed Pages including front page)

**\*\*\*DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO\*\*\***

-----

**ATTENDANCE SLIP**

**NAME** \_\_\_\_\_ **DATE** \_\_\_\_\_  
**MATRIC NO** \_\_\_\_\_ **SECTION** \_\_\_\_\_  
**PROGRAMME** \_\_\_\_\_  
**COURSE TITLE** \_\_\_\_\_  
**COURSE CODE** \_\_\_\_\_ **SEATING NO** \_\_\_\_\_ **SIGNATURE** \_\_\_\_\_

THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT  
BLANK

  
**UNIRAZAK**  
UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK  
Copying, modifying, or reprinting, is not permitted.

**BAHAGIAN A**

**(40 Markah)**

**Bahagian ini mengandungi EMPAT PULUH (40) soalan aneka pilihan. Anda dikehendaki menjawab SEMUA soalan yang dikemukakan.**

1. Pilih kenyataan yang **SALAH**:
  - A. Kedatangan bangsa asing ke Tanah Melayu telah berlaku sejak sebelum zaman Kesultanan Melayu Melaka.
  - B. Sebelum penjajahan British, kedatangan bangsa asing ke Tanah Melayu adalah bermotifkan perdagangan sahaja.
  - C. Kedatangan bangsa asing ke Tanah Melayu semasa penjajahan British telah memberikan kesan kepada pembangunan ekonomi Tanah Melayu.
  - D. Kedatangan bangsa asing ke Tanah Melayu adalah untuk menyebarkan agama dan budaya mereka.
  
2. Hubungan etnik di Malaysia tidak wajar dilihat dari perspektif konflik kerana \_\_\_\_\_.
  - A. jaringan hubungan sosial antara masyarakat berlangsung berdasarkan takrifan autoriti
  - B. konflik yang melanda di dalam negara lazimnya tidak diambil peduli oleh mana-mana pihak
  - C. hubungan sosial berbentuk akomodasi, akulturasi, asimilasi dan amalgamasi terus wujud dan berkembang dari masa ke semasa
  - D. diskriminasi kaum jelas berlaku hingga kini.
  
3. Suasana hubungan etnik di ambang dan pasca merdeka dapat dikategorikan berdasarkan keadaan tertentu. Adapun peristiwa rusuhan etnik Melayu-Cina di Singapura (ketika Singapura masih dalam Malaysia) yang terjadi pada 21 Julai dan 3 September 1964 berlaku di era \_\_\_\_\_.
  - A. konflik
  - B. stabil
  - C. stabil tapi tegang
  - D. kesepaduan sosial

4. Di antara pernyataan di bawah ini merupakan cabaran-cabaran dalam hubungan etnik **KECUALI**:
- A. Diskriminasi
  - B. Prejudis
  - C. Streataip
  - D. Etnisiti
5. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kehidupan masyarakat multi-etnik yang sejahtera, iaitu:
- I. politik yang stabil
  - II. ekonomi yang mampan
  - III. hubungan etnik harmoni
  - IV. agama dan adat resam multi etnik yang seragam
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
6. Dalam memahami interaksi dan hubungan masyarakat yang saling bergantung, paradigma kesepaduan sosial lebih memberikan tumpuan kepada takrifan harian berbanding takrifan autoriti kerana takrifan autoriti \_\_\_\_\_.
- A. menjadi petunjuk utama dalam mengenal pasti segenap aspek hubungan etnik
  - B. bersifat tetap dan terdedah kepada permasalahan
  - C. merupakan suatu cara pandang yang cuba memberi ruang dan kuasa kepada masyarakat awam terlibat dalam proses pembinaan perpaduan
  - D. lebih rencam, akomodasi serta saling memahami

7. Perbincangan tentang pembentukan masyarakat pluralistik di Malaysia sewaktu era kolonial kerap kali tertumpu kepada tiga komuniti etnik utama, iaitu Melayu, India dan Cina kerana ketiga-tiga kaum ini \_\_\_\_\_.
- A. merupakan bumiputera Tanah Melayu
  - B. sering berkonflik di era kolonial
  - C. memainkan peranan yang paling menyerlah dalam memenuhi tuntutan keperluan ekonomi dan politik British di Tanah Melayu
  - D. sama-sama menyerlahkan reaksi penentangan terhadap British kerana terpengaruh dengan gerakan kemerdekaan masyarakat luar semenanjung Tanah Melayu
8. Berikut merupakan faktor penyumbang kepada pembentukan masyarakat pluraliti **KECUALI**:
- A. Perusahaan bijih timah di era kolonial
  - B. Amalgamasi yang berlaku dalam negara
  - C. Barisan kepimpinan kerajaan yang multi-etnik
  - D. Pengamalan dasar perdagangan bebas dan terbuka
9. X = Keadaan penduduk di Tanah Melayu yang terhasil sebelum kedatangan penjajah hasil dari proses semula jadi tanpa sebarang paksaan.
- Apakah X?
- A. Akomodasi
  - B. Segregasi
  - C. Pluraliti
  - D. Majmuk

10. Budaya didefinisikan sebagai satu sistem pemahaman dan kelakuan yang diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Di antara ciri-ciri budaya ialah:
- I. meliputi adat, tabiat, tradisi dan nilai yang diwarisi
  - II. bergantung kepada persekitaran
  - III. tidak terdedah kepada perubahan
  - IV. dapat dikongsi dan dipelajari
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
11. Apakah perbezaan di antara konsep stereotaip dan prejudis?
- A. Prejudis berbentuk kenyataan umum terhadap sesuatu etnik, sementara stereotaip difahami sebagai sesuatu kepercayaan dan perasaan terhadap sesuatu etnik.
  - B. Prejudis wujud dalam bentuk negatif dan positif, sementara stereotaip hanya berlaku dalam bentuk negatif semata-mata.
  - C. Contoh prejudis, seseorang mengatakan, "orang Cina pandai Matematik", sementara contoh stereotaip, "saya tidak suka berkawan dengan etnik Jah hut kerana mereka tidak makan budu".
  - D. Mudah difahami bahawa prejudis merupakan bentuk keyakinan mendalam terhadap sesuatu kumpulan etnik, sementara stereotaip difahami sebagai bentuk pemikiran yang memberi kesan terhadap perasaan, kepercayaan dan perlakuan.
12. Diskriminasi merujuk kepada layanan buruk sesuatu kumpulan etnik terhadap kumpulan etnik lain, biasanya dilakukan oleh kumpulan etnik dominan terhadap kumpulan etnik minoriti. Antara situasi yang menggambarkan telah berlakunya diskriminasi di tahap yang tertinggi adalah berlakunya \_\_\_\_\_.
- I. serangan fizikal secara terbuka
  - II. percubaan penghapusan sesebuah kumpulan etnik
  - III. individu sesuatu etnik cuba mengelakkan diri daripada individu atau etnik yang diprasangkakan
  - IV. pembuangan kerja
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV

- D. Semua di atas
13. Di awal kemerdekaan, kerajaan perikatan menyedari wujudnya beberapa isu sosio-ekonomi, iaitu:
- I. isu kemiskinan masyarakat setempat
  - II. masalah ketidakseimbangan dari segi hak milik kekayaan antara etnik
  - III. isu kemudahan infrastruktur masyarakat bandar dan luar bandar
  - IV. masalah ketidakseimbangan dari segi guna tenaga dan pekerjaan antara etnik
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas
14. Ketidakseimbangan dari segi guna tenaga dan pekerjaan di awal kemerdekaan amat ketara, lebih-lebih lagi masyarakat Melayu tidak melibatkan diri dalam sektor yang kedua dan ketiga. Sektor kedua ini termasuk:
- I. pembinaan
  - II. perlombongan
  - III. pembuatan
  - IV. pengangkutan
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas
15. Penubuhan Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah bertujuan untuk:
- I. menghapuskan pengenalan ekonomi berasaskan etnik
  - II. membasmi kemiskinan
  - III. merapatkan jurang pendapatan masyarakat bandar dan luar bandar
  - IV. menyatupadukan pelbagai etnik
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV

- D. Semua di atas
16. Dalam usaha mengurangkan kemiskinan, pihak kerajaan telah menyusun beberapa strategi utama untuk merealisasikan wawasan Dasar Ekonomi Baru, iaitu:
- I. meningkatkan kualiti hidup golongan miskin dengan menyediakan perkhidmatan sosial kepada mereka
  - II. meningkatkan pendapatan dan produktiviti golongan miskin
  - III. meningkatkan kualiti pendidikan masyarakat miskin luar bandar
  - IV. membuka lebih banyak peluang pekerjaan
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas
17. Dasar Ekonomi Baru (DEB) menyasarkan penyusunan semula masyarakat melalui peningkatan:
- I. peningkatan bahagian bumiputera dalam guna tenaga di sektor ekonomi moden.
  - II. bahagian bumiputera dalam pemilikan saham korporat.
  - III. bilangan usahawan bumiputera.
  - IV. penguasaan bumiputera dalam pengurusan korporat.
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas
18. Perlembagaan Persekutuan dikatakan unik kerana berjaya mengekalkan unsur-unsur tradisi seperti kedudukan:
- I. Agama Islam
  - II. Bahasa Melayu
  - III. Keistimewaan orang Melayu
  - IV. Raja-raja Melayu
- A. I, II  
B. I, II, III



- C. I, II, IV  
D. Semua di atas
19. Unsur tradisi sangat penting untuk dikekalkan dan dilindungi oleh Akta Hasutan 1948 dan dianggap sebagai isu sensitif yang dilarang daripada dijadikan topik perbualan umum. Bagi rakyat Malaysia, perkara ini penting kerana ia merupakan:
- I. identiti kebangsaan semenjak ratusan tahun
  - II. penjamin kestabilan negara
  - III. pemangkin kejayaan bagi Dasar Ekonomi Baru
  - IV. pra-syarat penerimaan hak kewarganegaraan etnik bukan Melayu oleh orang Melayu sebelum merdeka
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas
20. Kerjasama antara etnik telah terjalin di ambang kemerdekaan lagi. Kerjasama ini dapat dilihat pada:
- I. penubuhan Jawatankuasa Perhubungan Kaum 1949 yang terdiri daripada pelbagai etnik
  - II. pembentukan Parti Perikatan yang menggabungkan UMNO, MCA dan MIC
  - III. kesanggupan masyarakat tempatan mengundi wakil Parti Perikatan yang bukan dalam kalangan etnik mereka
  - IV. Sistem ahli yang dibarisi oleh para pemimpin pelbagai etnik
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas

21. Perlembagaan Persekutuan telah menggariskan hak istimewa agama Islam. Antara hak istimewa agama Islam yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia ialah:
- I. Undang-undang negeri boleh menyekat penyebaran dalam kalangan orang Islam mengenai agama selain daripada Islam.
  - II. Sah bagi kerajaan, sama ada kerajaan pusat atau negeri memperuntukkan sejumlah wang bagi pembangunan Islam di Malaysia.
  - III. Bidang kuasa Mahkamah Syariah terpisah daripada Mahkamah Sivil.
  - IV. Hanya dalam keadaan darurat, kedudukan agama Islam boleh dipinda.
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas
22. Konsep perkongsian kuasa yang diperkenalkan semenjak tahun 1955 berjaya membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berteraskan permuafakatan. Menurut Lijphart, pembentukan demokrasi permuafakatan mampu mewujudkan kestabilan politik kerana:
- I. pendekatan tersebut mengutamakan pengagihan sumber kekayaan dan politik kepada etnik yang berbeza
  - II. perkongsian kuasa dapat memberi kepuasan kepada pelbagai etnik
  - III. faktor perkauman dapat dikurangkan
  - IV. memberikan semua etnik di Malaysia peluang untuk menjadi Perdana Menteri
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas

23. Pilih gaya dan corak pengundian yang berlaku dalam Pilihan Raya Umum ke-12 pada 8 Mac 2008.
- I. Pola pengundian masih lagi berdasarkan etnik dan agama.
  - II. Pengundi memilih sesuatu parti atau calon merentasi garis perjuangan perkauman
  - III. Unsur politik bertunjangan perkauman amat berkesan dalam menarik sokongan penyokong dan pengundi
  - IV. Pengundi lebih berminat dengan isu tadbir urus yang baik, ketelusan akauntabiliti, kebebasan bersuara dan keadilan.
- A. I, II
  - B. II, IV
  - C. I, II, III
  - D. II, III, IV
24. Pilih pernyataan yang **BENAR** berkaitan agama dalam konteks Malaysia:
- I. Merupakan fenomena penting dalam kehidupan manusia
  - II. Membantu manusia dalam mengenali dan memahami Tuhan
  - III. Menjadi identiti etnik
  - IV. Membantu penganutnya berhubung dengan jin
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
25. Antara nilai yang perlu dihayati untuk mencapai kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat pelbagai agama ialah:
- I. hormat-menghormati dalam setiap keadaan
  - II. bertoleransi antara satu sama lain
  - III. mempercayai bahawa semua bahawa agama adalah benar dan boleh dihayati
  - IV. bekerjasama dalam mendepani segala permasalahan antara agama
- A. I, II
  - B. I, II, III

- C. I, II, IV  
D. Semua di atas
26. Keinginan menjalani kehidupan beragama wujud dalam diri manusia akibat beberapa faktor, iaitu faktor:
- I. naluri semula jadi manusia  
II. keselamatan dan kesejahteraan  
III. warisan kesenian  
IV. pengukuhan ikatan persaudaraan
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas
27. Agama dalam kehidupan manusia difahami berperanan sebagai:
- I. sumber nilai moral  
II. pemangkin semangat kebangsaan  
III. pendorong pembinaan tamadun manusia  
IV. pengembang kesenian
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas
28. Faktor utama yang menentukan agama seseorang manusia adalah :
- A. warisan kebudayaannya  
B. pengaruh rakan  
C. pertimbangan logik dan rasionalnya  
D. secara paksaan

29. Untuk mengukuhkan kedudukan kuasa politik dan ekonomi, pihak British telah telah mengamalkan dasar pecah dan perintah. Dasar tersebut mewujudkan segregasi dalam kalangan pelbagai etnik dari segi:
- I. kawasan tempat tinggal
  - II. jenis pekerjaan
  - III. sistem persekolahan
  - IV. agama dan adat resam
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
30. Kepelbagaian agama dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia bukanlah penghalang kesepaduan sosial kerana interaksi yang baik antara mereka dapat dilihat dalam situasi tertentu, seperti:
- I. Ketika berlakunya bencana alam
  - II. Program rumah terbuka
  - III. Upacara keagamaan seperti sembahyang
  - IV. Pengamalan adat resam dan budaya yang berteraskan agama
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
31. Pilih pernyataan yang **BETUL** berkenaan integrasi:
- I. Merupakan satu proses penyesuaian bersama pelbagai kebudayaan dan ciri-ciri sosial yang dapat diterima oleh semua kelompok etnik.
  - II. Identiti, budaya dan hak hidup sesuatu kumpulan etnik tidak dihapuskan.
  - III. Aspek terpenting untuk diintegrasikan adalah agama dan adat resam.
  - IV. Merupakan satu proses mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan etnik yang terpisah-pisah.
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV

- D. Semua di atas
32. Antara usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam memupuk semangat hubungan etnik yang harmoni adalah:
- I. menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
  - II. memperkenalkan konsep 1Malaysia
  - III. memperkenalkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan
  - III. melaksanakan Dasar Ekonomi Baru
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
33. Terdapat pelbagai aktiviti yang boleh dimainkan oleh masyarakat untuk memastikan keharmonian etnik sentiasa terjaga, antaranya:
- I. Rukun Tetangga
  - II. penerimaan budaya
  - III. rumah terbuka
  - IV. penyatuan agama
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
34. Sebelum Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan terdapat 2 bentuk sekolah yang wujud dalam komuniti Melayu, iaitu persekolahan yang tidak formal dan sekolah vernakular Melayu. Persamaan yang jelas antara kedua-dua sekolah ini adalah \_\_\_\_\_.
- A. sukatan pelajaran lebih menekankan aspek kerohanian dan hal ehwal keagamaan
  - B. pendidikan disediakan sehingga ke institusi pengajian tinggi
  - C. tahap pendidikan kedua-dua jenis sekolah berkenaan selaras dengan tahap pendidikan sekolah Inggeris
  - D. pelajar lepasan kedua-dua jenis sekolah berkenaan tidak diterima untuk berkhidmat dalam pentadbiran British

35. Persamaan di antara sekolah vernakular Cina dengan sekolah vernakular Tamil sebelum merdeka ialah:
- I. kedua-dua jenis sekolah menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantara
  - II. sukatan pelajaran dan tenaga pengajar diambil dari negara asal
  - III. pelajar lepasan dari kedua-dua jenis sekolah berkenaan tidak diterima untuk berkhidmat dalam pentadbiran British
  - IV. sekolah menyediakan pelajaran di peringkat rendah dan menengah
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
36. Sehingga tahun 1920, dua bentuk pendidikan menjadi keutamaan British, iaitu Pendidikan Inggeris dan Pendidikan Vernakular. Kesan kewujudan 2 jenis sekolah ini ialah:
- I. pemisahan latar belakang pendidikan komuniti Melayu menyebabkan perkembangan semangat nasionalisme yang berbeza dalam proses mencapai kemerdekaan
  - II. keadaan ini menampakkan kemunduran komuniti Melayu kelas bawahan dalam bidang pendidikan, kerana bidang pendidikan ini seolah-olah terbuka bagi komuniti Melayu kelas atasan
  - III. orang India dan Cina lebih berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi berbanding orang Melayu
  - IV. dasar pendidikan Inggeris ini mengakibatkan wujudnya jurang antara komuniti Melayu dengan komuniti bukan Melayu
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas

37. Mengapakah terdapat ilmuan yang tidak bersetuju dengan kewujudan sekolah berasaskan etnik?
- I. sekolah berkenaan membantutkan usaha perpaduan antara etnik
  - II. sekolah kebangsaan mempunyai banyak kelebihan dan pelbagai kemudahan
  - III. pembelajaran yang lebih bermutu dan berkualiti mudah diperolehi di sekolah kebangsaan kerana mempunyai guru yang mencukupi dapat meningkatkan taraf pendidikan negara
  - IV. sekolah kebangsaan memperkasakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang mampu meningkatkan interaksi dan perpaduan masyarakat pelbagai etnik
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
38. Antara ciri-ciri unik dan istimewa masyarakat Malaysia yang menyumbang kepada kesepaduan sosial adalah:
- I. perhubungan menggunakan bahasa kebangsaan dalam pertuturan harian
  - II. keadaan yang saling berhubung antara individu dengan individu yang lain dalam kehidupan harian
  - III. pembabitian politik mengikut kaum
  - IV. keadaan saling bergantung untuk kelangsungan hidup
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
39. Contoh makanan yang termasuk dalam ruang bukan awam adalah \_\_\_\_\_.
- A. jamuan yang diadakan sempena sambutan hari lahir
  - B. daging yang disembelih dan dimasak dalam majlis aqiqah
  - C. juadah yang disediakan dalam majlis perkahwinan etnik Melayu
  - D. kuih-muih yang dihidangkan dalam jamuan rumah terbuka hari raya



40. Kesepaduan sosial dalam hubungan antara etnik yang dipromosikan oleh pihak media dapat dikesan pada:
- I. iklan TV
  - II. filem pendek
  - III. program TV
  - IV. penggunaan internet
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas

\*\*\* KERTAS SOALAN TAMAT \*\*\*

Disediakan oleh:

Nasuha bin Nasaruddin

Tarikh:

1 Sept 2021

Penyemak Pertama:

Rosleen Khairi

Tarikh:

12th Sept 2021

Penyemak Kedua:

Tarikh: